

MANIFESTASI KEK LAPIS SARAWAK DALAM PROSES PEMERKASAAN  
PSIKOLOGI PENGUSAHA WANITA DI KAMPUNG GERSIK, KUCHING

SHARLINI BINTI SPERI

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat bagi penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2016

**DEDIKASI**

*Untuk Allah  
tuhan sekalian alam  
Kupanjatkan kesyukuran dan penghargaan  
tidak terhingga kepadamu  
Diatas segala-galanya  
Takdirmu ya Allah, Cintamu ya Allah  
Dan Kasih sayangmu ya Allah  
Sehingga pada detik ini  
Alhamdulillah*

*Buat Rasullullah S.A.W yang sentiasa dirindui*

*Buat keluarga tercinta*

*Buat guru-guru, para pendidik*

*Buat rakan seperjuangan di UTM*

*Terima Kasih  
Semoga sentiasa di dalam  
rahmat dan perlindungannya*

*Amin.....*

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi ALLAH s.w.t. Tuhan yang telah menciptakan segala kejadian. Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia izin-Nya dapat juga menyiapkan Projek Sarjana saya yang bertajuk Manifestasi Kek Lapis Sarawak dalam Proses Pemeraksanaan Psikologi Pengusaha Wanita di Kampung Gersik, Kuching ini pada jangka waktu yang telah ditetapkan. Dikeempatan ini ingin saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang banyak berjasa kepada saya khususnya kepada Prof. Dr. Amran Bin Hamzah selaku penyelia dan tidak lupa juga kepada Dr. Hazliza bt Abd. Halim sebagai pembantu penyelia. Setinggi penghargaan juga buat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dana yang disediakan melalui *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* Vot 4F416 bagi kajian ini.

Buat yang membantu terutama pada Senior, En. Rosli Nooruddin, Pn. Norhasimah Baharudin dan Pn. Norasraf Ghazali untuk sokongan dan pertolongan pada kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa bersama sepanjang kajian ini dijalankan terutamanya Nadzirah Hosen, Rabiyyatul Akma, Nadiana Nading, Wan Sharizatul Suraya, Siti Mariam, Rabiyyatul Adawiyah dan Mayamin Yuhaniz. Terima kasih kerana banyak memberikan dorongan dan menerima saya seadanya selama perkenalan kita.

Setinggi penghargaan juga saya tujukan buat emak, Dara Zaleha binti Buntal, bapak, Speri bin Mahbu, adik-beradik, Itje Kurniawan, Ria Riedara, Zulrizal, Mohd Firdaus dan Abdul Aziz yang tidak pernah jemu menyokong perjuangan saya dalam apa juga bidang yang saya ceburi. Tidak lupa juga dalam ingatan Allahyarham adik bongso, Mohd Izuddin yang sentiasa dalam ingatan kami sekeluarga. Terima kasih diatas sokongan moral yang berterusan dan kehadiran pada masa naik turun saya. Diharap ukhuwah kita hingga ke syurga hendaknya. Tidak lupa juga buat diri saya sendiri yang masih memerlukan tunjuk ajar selamanya. InsyaAllah. Terima Kasih atas segalanya.

## ABSTRAK

Manifestasi produk pelancongan makanan berperanan sebagai ekspresi identiti bagi sesuatu destinasi pelancongan. Namun begitu, kurangnya perhatian yang menitikberatkan mengenai hubungan diantara produk pelancongan makanan dan pengusaha wanita dalam perusahaan berasaskan pelancongan dalam konteks pemerksaan psikologi. Kajian ini meneroka manifestasi kek lapis Sarawak sebagai pemangkin kepada pemerksaan psikologi untuk pengusaha wanita dalam perusahaan berasaskan pelancongan di Kampung Gersik. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji makna disebalik rekabentuk manifestasi kek lapis Sarawak dan mengenalpasti sumbangannya terhadap pemerksaan psikologi wanita yang turut memberi impak terhadap penjenamaan destinasi di Kampung Gersik, Kuching. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini. Seramai sepuluh pengusaha wanita kek lapis Sarawak telah dipilih daripada kawasan kajian. Lima orang peserta lagi telah dipilih sebagai wakil komuniti yang mendapat kesan secara tidak langsung daripada industri ini. Pengusaha dan peserta telahpun di temu bual menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik. Keputusan analisis mendapati bahawa kek lapis Sarawak terdiri daripada tiga jenis asas iaitu 'tradisional', 'kontemporari', dan 'gabungan'. Manifestasi ini telah menyumbang kepada pemerksaan psikologi pada pengusaha wanita kerana mereka berusaha untuk mendapatkan 'kebermaknaan' dan 'kesempurnaan' pada produk terakhir mereka. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa rekabentuk dan motif kek lapis Sarawak melambangkan keghairahan dan identiti pengusaha wanita sekaligus merupakan komponen kritikal bagi proses penjenamaan destinasi yang dijadikan sebagai inspirasi kepada pembangunan pelancongan mampan pada masa hadapan bagi Kampung Gersik.

## ABSTRACT

The manifestation of tourism food products is an expression of identity for a tourism destination. However, little attention had been given to the relationship between tourism food products and women entrepreneurs in tourism-based businesses in the context of psychological empowerment. This study explores the manifestation of the Sarawak layer cake as a psychological empowerment catalyst for women entrepreneurs in tourism-based businesses in Kampung Gersik. The objectives of this study are to examine the meaning behind the manifestation of Sarawak layer cake designs and the contribution towards women psychological empowerment as well as the impact on destination branding at Kampung Gersik, Kuching. Qualitative methods were used in this research. A total of ten women entrepreneurs of Sarawak layer cake were selected from the study area. Another five participants were chosen as community representatives as they were indirectly affected by this industry. The entrepreneurs and participants were interviewed using semi-structured interview and the collected data were then analysed using thematic analysis. The results of the analysis revealed that the Sarawak layer cake came in three basic types, which are 'Traditional', 'Contemporary', and 'Fusion'. These manifestations have eventually led to the psychological empowerment of women entrepreneurs as they strive for 'meaningfulness' and 'perfection' in their final product. The findings also revealed that, the design and motifs of Sarawak layer cake symbolise the passion and identity of women entrepreneurs which is a critical component in the process of destination branding as an inspiration for future sustainable tourism development of Kampung Gersik.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGISYITHARAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>vi</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>ix</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>GLOSARI</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
1.	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Objektif kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Kerangka kajian	7
	1.9 Jangkaan Penemuan	13
	1.10 Kepentingan Kajian	14
	1.11 Rumusan	14
2.	<b>PERKEMBANGAN TEORI MANIFESTASI DAN PEMERKASAAN PSIKOLOGI WANITA</b>	<b>15</b>
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Teori Manifestasi	16
	2.2.1 Manifestasi Tenunan Pua kumbu	17
	2.2.2 Manifestasi Manik Borneo	20
	2.2.3 Manifestasi Pua Kumbu dan Manik Borneo Lambang Seni Wanita Sarawak	23
	2.3 Angkubah Teori Manifestasi	24
	2.4 Keunikan Kek Lapis Sarawak	25
	2.5 Perbezaan Kek Lapis Sarawak Dengan Kek Lapis di Kawasan Lain	26

2.6	Teori Pemerksaan	27
2.7	Pemerksaan Psikologi	31
2.8	Pemerksaan Wanita	32
2.9	Pemerksaan Psikologi Wanita	33
2.10	Fenomena Pemerksaan Psikologi Wanita Dalam Sektor Pelancongan	34
2.10.1	Kajian Kes 1: Pengusaha Wanita ' <i>Tea House</i> ' di kawasan Pergunungan Tengah Nepal, India	34
2.10.2	Kajian Kes 2: Pemerksaan Wanita dalam Program Komuniti Berasaskan Budaya Pelancongan di Botswana, Afrika	36
2.10.3	Kajian Kes 3: Pembuatan Kraf Tradisional Tenunan Wanita Li di Hainan, China	38
2.11	Angkubah Pemerksaan Psikologi Wanita	39
2.12	Isu-isu Pemerksaan Wanita di Sarawak	40
2.13	Penggunaan Pelancongan Makanan sebagai Medium Penjenamaan Destinasi	42
2.14	Rumusan	45
3.	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Protokol Kajian	48
3.4	Pemilihan Kawasan Kajian	49
3.5	Latarbelakang Perusahaan Kek Lapis dalam Kawasan Kajian	51
3.6	Kajian Kualitatif	53
3.6.1	Pemilihan Informan Kajian	54
3.6.2	Kaedah Temubual Semi Struktur	56
3.6.3	Pemerhatian	56
3.7	Prosedur Pengambilan Data	57
3.7.1	Peringkat Kajian Awalan	58
3.7.2	Peringkat Kajian Sebenar	58
3.8	Teknik Analisis Tematik	60
3.9	Pembentukan Tema Kajian	62
3.10	Kesimpulan	66
4.	<b>MANIFESTASI KEK LAPIS SARAWAK</b>	67
4.1	Pengenalan	67
4.2	Sejarah Penggunaan Kek Lapis Sarawak	67
4.3	Manifestasi Rekabentuk Kek Lapis Sarawak	69
4.3.1	Kek Lapis Tradisional Sarawak	70
4.5	Manifestasi Kek Lapis Sarawak Mempengaruhi Proses Perubahan Psikologi Pengusaha Wanita	93

4.4	Kek Lapis Sarawak Sebagai Manifestasi Seni Wanita Sarawak	96
4.6	Rumusan	98
5.	PROSES PEMERKASAAN PSIKOLOGI	99
5.1	Pengenalan	99
5.2	Sejarah Latar Belakang Kampung Gersik	100
5.3	Latar Belakang Perusahaan Kek Lapis di Kampung Gersik	101
	5.3.1 Demografi Pengusaha	102
5.4	Tahap Pemerksaan Psikologi di Kampung Gersik	110
	5.4.1 Individu	110
	5.4.2 Organisasi	116
	5.4.3 Komuniti	120
5.5	Perkaitan Di Antara Manifestasi Kek Lapis Sarawak Dengan Pemerksaan Psikologi di Kawasan Kajian	124
5.6	Rumusan	125
6.	IMPLIKASI KAJIAN DAN KESIMPULAN	126
6.1	Pengenalan	126
6.2	Implikasi Kajian	126
6.4	Implikasi Dari Aspek Teori	132
6.5	Kesimpulan	134
	RUJUKAN	137
	LAMPIRAN	141



**SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1: Angkubah Manifestasi Manik Borneo dan Pua Kumbu	24
Jadual 2.2: Tahap-tahap Pemerksaan	29
Jadual 2.3: Ciri Pemerksaan Dalam Bidang Pelancongan	30
Jadual 2.4: Angkubah Pemerksaan Psikologi Wanita dalam Bidang Pelancongan	40
Jadual 3.1: Maklumat Asas Perusahaan Kek Lapis Di Kampung Gersik	52
Jadual 3.2: Senarai Peserta Kajian	54
Jadual 3.3: Struktur Soalan Temu bual	56
Jadual 3.4: Jadual Kerja Lapangan	60
Jadual 3.5: Tema Tahap Pemerksaan Psikologi	63
Jadual 3.6: Ciri-Ciri Manifestasi Kek Lapis Sarawak	64
Jadual 3.7: Tema Manifestasi Kek Lapis Sarawak	65
Jadual 5.1: Demografi Pengusaha Perusahaan Kek Lapis di Kampung Gersik	103
Jadual 5.2: Dimensi Ekonomi Perusahaan Kek Lapis Sarawak di Kampung Gersik	105

**SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian	8
Rajah 1.2: Struktur tesis	11
Rajah 2.1: Perbandingan Manifestasi Kek Lapis	27
Rajah 2.2: Teras Utama untuk Penjenamaan Destinasi	44
Rajah 3.1: Rangka Kerja Operasi Kajian	48
Rajah 3.2: Kawasan Kajian	50
Rajah 4.1: Manifestasi Kek Lapis Tradisional	70
Rajah 4.2: Manifestasi kek Hati Ikan Pari	72
Rajah 4.3: Manifestasi Kek Holiday Inn	74
Rajah 4.4: Manifestasi Kek Sisik Ikan	76
Rajah 4.5: Manifestasi Kek Pilih Kasih	78
Rajah 4.6: Manifestasi Kek Lapis Kontemporari	78
Rajah 4.7: Manifestasi Kek Lapis Oreo	80
Rajah 4.8: Manifestasi Kek Lapis Awan Nano	82
Rajah 4.9: Manifestasi Kek Lapis Satu Malaysia	84
Rajah 4.10: Manifestasi Kek Lapis India Cadbury	85
Rajah 4.11: Manifestasi Kek Lapis Gabungan	86
Rajah 4.12: Manifestasi Kek Lapis Ketupat	88
Rajah 4.13: Manifestasi Kek Lapis Pua Kumbu	90
Rajah 4.14: Manifestasi Kek Lapis Terabai	91
Rajah 4.15: Manifestasi Kek Lapis Terendak	93
Rajah 4.16: Revolusi Perubahan Psikologi Pengusaha Wanita Kek Lapis di Kampung Gersik, Kuching	95
Rajah 5.1: Graf Evolusi Perusahaan Kek Lapis Sarawak di Kampung Gersik	107
Rajah 6.1: Model Proses Pemeraksanaan Psikologi Pengusaha Wanita Di Kampung Gersik	128
Rajah 6.2: Model Penjenamaan Destinasi di Kampung Gersik	131

## GLOSARI

SEDC	-	Sarawak Economic Development Cooperation
MAHA	-	Horkultur dan Agro Pelancongan Malaysia
PPKLS	-	Persatuan Pengusaha Kek Lapis Sarawak
DBKU	-	Dewan Bandaraya Kuching Utara

**SENARAI GAMBAR**

Gambar 2.1: Penggunaan Pua Kumbu pada masa dahulu dan sekarang	19
Gambar 2.2: Barangan hiasan Manik Borneo	20
Gambar 2.3: Manifestasi Manik Borneo berbentuk manusia dan harimau	22
Gambar 2.4: Kepelbagaian Corak pada Kek Lapis Sarawak	26
Gambar 2.5: Kawasan ' <i>Tea House</i> ' di Pergunungan Himalaya	35
Gambar 2.6: Hasil Kerja Seni Wanita Botswana yang Unik	37
Gambar 2.7: Demonstrasi Tenunan Li Kepada Golongan Muda	38
Gambar 2.8: Peragaan Baju Orang Ulu Moden	41
Gambar 2.9: Contoh Mukadepan Pengiklanan Kawasan Pelancongan New Zealand	43
Gambar 3.1: Pemandangan di Kampung Gersik, Kuching	51
Gambar 4.1: Contoh Kepala Meja atau Kek Lapis Sarawak	68
Gambar 4.2: Hidangan kek Lapis Sarawak pada Hari Raya Aidilfitri	69
Gambar 5.1: Penambang Sungai Sarawak	109

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Soalan Sesi Temuramah Semistruktur	158-164
---	------------------------------------	---------

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kajian yang melibatkan pemerksaan wanita dilihat semakin meningkat sejak akhir-akhir ini dengan memperlihatkan pengaruh kebimbangan masyarakat terhadap hak-hak wanita pada zaman ini yang semakin meningkat. Satu kajian yang melibatkan pemerksaan wanita boleh dianggap sebagai satu teori berbentuk pemerksaan gender (Whitehead,1979). Hal ini seterusnya dilihat telah menimbulkan lebih banyak isu dalam beberapa tahun ini apabila golongan wanita telah menyuarakan hak mereka dalam pelbagai aspek kehidupan. Pandey (2000), menyatakan hak wanita ditakrifkan sebagai satu keupayaan wanita untuk menyuarakan pendapat dalam beberapa bidang terutamanya dalam undang-undang, politik, ekonomi dan sosial untuk disama ratakan dengan kaum lelaki. Oleh itu, Allendorf (2007), telah mendefinisikan bahawa pemerksaan wanita sebagai satu keupayaan kumpulan wanita untuk mendapatkan kebebasan dalam membuat keputusan yang melibatkan kehidupan seharian mereka. Hal ini adalah merangkumi empat aspek kehidupan utama bagi wanita iaitu dalam libatan ekonomi, politik, psikologi dan sosial.

Di Malaysia sendiri, dasar kerajaan terhadap kesaksamaan gender dan kepentingan wanita dalam arus pembangunan negara jelas sekali ditunjukkan melalui pelbagai rancangan lima tahun, khususnya bagi Rancangan Malaysia ke-8 (RMKe-8)

dan Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9). Rancangan-rancangan ini telah bertujuan menangani isu berkaitan gender yang membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sepenuhnya dan melibatkan diri dengan lebih berkesan dalam apa juga bidang yang diceburi. Kajian sebelumnya telah mendapati bahawa, usaha bagi meningkatkan status wanita ini haruslah melibatkan sekali sokongan moral daripada penduduk dan pembangunan sekeliling (Afza & Rashid, 2009). Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa Malaysia tidak ketinggalan di dalam menitikberatkan pembangunan wanita di dalam negara ini.

Terdapat juga kajian yang telahpun membuktikan bahawa golongan wanita telah memberikan sumbangan yang amat besar di dalam sektor perusahaan pelancongan dan telahpun memberi impak yang besar kepada mereka untuk bekerja sendiri ke dalam bidang ini yang secara tidak langsung memberikan kesan sosial dan ekonomi (Warren & Jackson, 2004). Hal ini juga dilihat telah membuktikan wujudnya pengaruh pemerksaan psikologi pada wanita-wanita ini yang didefinisikan sebagai suatu bentuk kuasa, kawalan, keupayaan, kecekapan, kecekapan sendiri, autonomi, pengetahuan, pembangunan, keazaman sendiri dan pengukuhan pada posisi sendiri (Rappaport, 1984). Pemerksaan dari segi psikologi ini, dilihat memberi peluang kepada pengusaha wanita dalam sektor pelancongan untuk mengekspresikan diri mereka sendiri di mata dunia untuk memperkenalkan budaya warisan dan identiti diri mereka.

Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan memperlihatkan sejauh mana keupayaan wanita di dalam memperkasakan diri mereka dari segi pemerksaan psikologi melalui perusahaan berasaskan pelancongan di Malaysia khususnya dalam bidang perusahaan kek lapis Sarawak di Kampung Gersik, Kuching. Kajian ini akan mengeksplorasi sejauh mana manifestasi rekabentuk kek lapis Sarawak telahpun menyumbang kepada proses pemerksaan psikologi pengusaha wanita di Sarawak khasnya kawasan kajian. Hal ini secara tidak langsung mampu menjadi panduan bagi mana-mana kajian yang melibatkan dominasi wanita di dalam sesuatu perusahaan pelancongan di seluruh Malaysia kelak. Buktinya, apabila pengkaji melihat potensi bagi pengembangan idea dalam eksplorasi perkaitan produk kek lapis ini dengan dominasi pengusaha-pengusaha wanita kek lapis Sarawak semasa

kajian yang terdahulu yang memperlihatkan kesan dan faedah efektif pada perusahaan mereka yang berkelompok (Speri, 2013).

## **1.2    Penyataan Masalah**

Perusahaan berasaskan pelancongan biasanya terkenal sebagai satu aktiviti perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Aktiviti ini biasanya didominasi oleh kumpulan wanita kerana memperlihatkan permulaan perusahaan dengan modal yang rendah bagi membolehkan mereka menggunakan modal sendiri (Wendy, 2008). Dewasa ini, pelancongan luar bandar di kebanyakan kawasan pula dilihat semakin banyak memberi peluang untuk melibatkan wanita melalui aktiviti-aktiviti rasmi dan tidak rasmi di kawasan luar bandar (Bale et al., 2013). Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan yang telahpun berkembang di Malaysia pula, telah memperlihatkan secara keseluruhan bahawa kaum wanita ini telah membentuk peratusan yang penting iaitu kira-kira 42 peratus daripada tenaga kerja pelancongan di Malaysia (Wye, 2012).

Namun, peranan wanita ini seringkali dilihat sebelah mata oleh beberapa pihak, kerana mereka dianggap sebagai golongan kumpulan yang menjana pendapatan yang rendah disamping mendapat hasil yang kurang memberangsangkan berbanding kaum lelaki (Akhter & Ward, 2009). Kajian-kajian sebelumnya yang berkaitan dengan pemerksaan wanita ini memperlihatkan bahawa wanita mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelancongan dan ini telah mewujudkan pemerksaan diri sendiri dengan perlaksanaan kepelbagaian aktiviti yang dijalankan (Scheyvens, 2002; McMillan et al., 2011). Beberapa orang penyelidik sebelumnya, telah menyatakan bahawa wanita boleh mewujudkan kekayaan melalui perusahaan luar bandar (Rogerson et al., 2004). Oleh hal yang demikian, satu-satunya cara untuk meningkatkan status wanita di kawasan luar bandar sebenarnya dengan menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan khasnya dalam bidang pelancongan (Warren & Jackson, 2004).

Pada masa ini, penglibatan wanita di Malaysia terutamanya dalam sektor perusahaan telah dipandang serius oleh pelbagai pihak. Hal ini boleh dilihat, di dalam



meyokong pengusaha wanita, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM652.2 juta melalui Pelan Malaysia ke Sembilan (RMKke-9) dan pembesaran Taman Perindustrian Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) yang merangkumi unit kilang dan kemudahan inkubator di lokasi utama seluruh negara dan dalam Rancangan Malaysia ke sepuluh (RMKke-10), peruntukan ini adalah meningkat kepada RM725.5 juta (Rancangan Malaysia ke -10, 2013).

Senario ini jelas sekali menunjukkan bahawa wujudnya perhatian daripada pihak berkuasa terhadap kepentingan dan pembangunan wanita di negara ini sekaligus membuka peluang kepada golongan ini untuk bergerak dengan lebih aktif. Kajian terdahulu juga mendapati bahawa di negara dunia membangun termasuk Malaysia, mereka mendapati terdapat peningkatan dalam penglibatan kaum wanita di dalam sektor perniagaan kecil (McMillan et al., 2011). Hal ini memperlihatkan budaya yang melibatkan wanita dalam perusahaan perniagaan kecil adalah dianggap sebagai senario umum di Malaysia.

Namun begitu, kurangnya penekanan kajian terhadap bagaimana proses pemerksaan wanita di dalam bidang ini di Malaysia telahpun dikenalpasti oleh pengkaji. Scheyvens (2000), telahpun mendefinisikan bahawa pemerksaan wanita di dalam bidang perusahaan adalah berdasarkan empat teori iaitu meliputi ekonomi, sosiologi, psikologi dan politikal. Daripada teori tersebut, didapati bahawa kurangnya kajian yang melihat kepada pemerksaan psikologi wanita di dalam perusahaan pelancongan di Malaysia berbanding negara-negara membangun yang lain. Oleh itu, fokus kajian ini untuk melihat bagaimana proses pemerksaan psikologi wanita itu berlaku melalui manifestasi produk kek lapis Sarawak dengan penekanan pada makna (*meaning*) di sebalik rekabentuk dan coraknya. Di sini, jelas menunjukkan jurang penyelidikan yang tidak melihat pada hubungkait antara manifestasi dan pemerksaan psikologi wanita seterusnya memberi peluang kepada pengkaji untuk mengkaji secara mendalam di dalam tesis ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- 1.3.1 Untuk mengkaji makna (*meaning*) disebalik manifestasi rekabentuk kek lapis Sarawak;
- 1.3.2 Untuk mengenalpasti sumbangan manifestasi kek lapis Sarawak sebagai medium pemeraksanaan psikologi pengusaha wanita kek lapis Sarawak;
- 1.3.3 Untuk mengetahui impak manifestasi kek lapis Sarawak yang mempengaruhi pemeraksanaan psikologi pengusaha dalam mewujudkan penjenamaan destinasi di Kampung Gersik, Kuching.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian secara spesifik adalah seperti berikut:-

- 1.4.1 Adakah rekabentuk dan warna pada kek lapis Sarawak mencerminkan motivasi dan perasaan?
- 1.4.2 Adakah perkaitan yang kuat antara rekabentuk kek lapis ini dengan pemeraksanaan psikologi wanita?
- 1.4.3 Sejauh mana dominasi perusahaan kek lapis Sarawak telahpun memberi impak pemeraksanaan secara psikologi di kawasan kajian?
- 1.4.4 Setakat mana kek lapis Sarawak digunakan sebagai medium pelancongan makanan (*food tourism*) yang memberikan impak penjenamaan destinasi di kawasan kajian?

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini adalah merujuk kepada kajian perusahaan kek lapis Sarawak yang telahpun bertapak di Kampung Gersik, Kuching. Kajian merangkumi kesemua pengusaha kek lapis Sarawak yang sedia ada beroperasi di kawasan kajian. Pengkaji

juga melihat kepada sejauh mana penglibatan pengusaha dan penduduk kampung atau orang awam sekitarnya yang telah mendapat impak secara langsung atau tidak langsung daripada aktiviti pengelompokan perusahaan ini di kawasan tersebut.

Pemeriksaan psikologi dalam kalangan pengusaha juga dilihat bagi mencapai objektif utama kajian. Walaupun pemeriksaan kumpulan wanita ini juga dibuktikan melalui peningkatan pendapatan ekonomi (pemeriksaan ekonomi), namun informasi ini hanya akan digunakan sebagai sokongan dalam kajian ini kerana pengkaji memilih skop pemeriksaan psikologi yang dilihat lebih memberikan ketepatan pada proses pemeriksaan kumpulan wanita ini. Disamping itu juga, kajian ini boleh menambahkan kajian mengenai pemeriksaan psikologi wanita di negara ini memandangkan kurangnya kajian sebelumnya yang melihat kepada aspek ini yang berkaitan secara khusus pada wanita khususnya di Malaysia.


Oleh itu, pemeriksaan psikologi dalam kajian ini diterjemahkan melalui keunikan manifestasi kek lapis Sarawak. Berdasarkan definisi manifestasi, ia merujuk kepada satu perbuatan yang merangkumi ucapan dan persembahan yang memperlihatkan sesuatu dengan menghuraikan mengenainya samaada dari segi kebendaan, rupa, bentuk, ucapan mahupun watak seseorang (Kamus Dewan, 2014). Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengklasifikasikan manifestasi kek lapis Sarawak adalah berbentuk persembahan yang mempunyai makna (*meaning*) disebalik rekabentuk, warna, nama dan rasanya.

Pengkaji juga membuat pemilihan manifestasi kek lapis Sarawak kepada hanya beberapa kek yang dipilih disebabkan kekangan masa dan jumlah kek yang terlalu pelbagai. Pengkaji menghadkan pemilihan kek ini berdasarkan kesesuaian kajian yang berkaitan pelancongan bagi Negeri Sarawak dan pendapat responden awalan kajian pada kelangsungan manifestasi kek yang menarik.

## **1.6 Kerangka Kajian**

Kajian ini direkabentuk dalam tiga tahap kajian mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kerangka konsep kajian didahului dengan mengenalpasti proses pemeraksanaan psikologi wanita dengan mengenalpasti impak pemeraksanaan psikologi secara keseluruhan di kawasan kajian dengan mengambilkira tiga asas tahap pemeraksanaan iaitu secara individu, kumpulan kecil dan komuniti. Seterusnya, kajian diteruskan lagi dengan menyelidiki sumbangan manifestasi kek lapis Sarawak pada proses tersebut.

Implikasi kajian dianggarkan adalah dengan memperolehi pengetahuan mengenai proses penjenamaan destinasi bagi kawasan kajian kesan daripada kewujudan kelompokan perusahaan dan impak secara langsung dan tidak langsung pada aktiviti persekitarannya. Rajah 1.1 menunjukkan dengan jelas mengenai kerangka konsep kajian ini secara menyeluruh:-



**Rajah 1.1:** Kerangka Konsep Kajian

## 1.7 Struktur Tesis

Tesis ini mengandungi enam bab iaitu bab pertama; pendahuluan, bab kedua ; kajian literatur berkaitan teori pemerksaan, teori manifestasi dan penjenamaan destinasi pelancongan, bab ketiga; metodologi kajian, bab keempat; perbincangan mengenai dapatan kajian, bab kelima; manifestasi kek lapis sarawak dan bab keenam; implikasi kajian dan kesimpulan. Fokus setiap bab yang dinyatakan ini adalah seperti di bawah:

### **Bab Satu:** Pendahuluan

Bab ini merupakan permulaan kepada kajian, iaitu meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan-persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep kajian, struktur tesis dan rumusan.

### **Bab Dua:** Kajian Literatur

Bab ini pula membincangkan tentang kajian literatur yang meliputi penelitian ke atas konsep, teori dan model yang berkaitan dengan tujuan asal kajian ini. Fokus dalam bab dua adalah tertumpu kepada tiga komponen utama kajian iaitu tentang teori pemerksaan, teori manifestasi dan teori penjenamaan destinasi. Kajian literatur ini amat penting dalam memberikan kefahaman berkaitan dengan isu dan masalah kajian yang sedang dijalankan dan digunakan dalam bab akhir untuk membolehkan perbincangan secara intensif.

### **Bab Tiga:** Metodologi Kajian

Bab tiga pula mengkhususkan kepada metodologi kajian iaitu perincian kepada proses penyelidikan dijalankan oleh pengkaji iaitu merangkumi kefahaman terhadap falsafah kajian, pendekatan kajian kualitatif, protokol kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan informan kajian, prosedur kajian, pengumpulan data dan kaedah analisis data, penulisan laporan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan metodologi kajian juga dinyatakan di bahagian ini.

**Bab Empat: Dapatan Kajian**

Bab lima pula memfokuskan kepada dapatan-dapatan kajian hasil daripada perkaitan data yang telah dianalisis oleh pengkaji mengenai latar belakang kawasan kajian dan merangkumi dapatan kajian mengenai impak pemeraksanaan psikologi. Hasil-hasil kajian yang dikemukakan dalam bab ini berdasarkan tema dan juga subtema yang telah dibina semasa proses analisis data. Hasil-hasil kajian ditulis dalam bentuk 'quotation' berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh informan kajian, juga dengan merujuk dokumen-dokumen berkaitan serta pengalaman pengkaji sendiri semasa berada di kawasan kerja lapangan.


**Bab Lima: Manifestasi Kek Lapis Sarawak**

Bab ini membincangkan hasil kajian secara ilmiah dengan merujuk kepada kajian literatur yang telah dijalankan. Hasil-hasil daripada dapatan kajian bagi tujuan utama kajian dibincangkan di dalam bab ini dengan membincangkan secara fokus mengenai manifestasi Kek Lapis Sarawak daripada responden utama kajian.

**Bab Enam: Implikasi Kajian dan Kesimpulan**

Bab akhir ini menumpukan kepada implikasi kajian dari aspek teori, amalan dan juga metodologi kajian. Rumusan dalam bentuk kerangka konsep bagi proses pemeraksanaan psikologi secara keseluruhannya juga adalah sebahagian daripada bab ini. Penerangan secara intensif mengenai implikasi kajian juga dibincangkan secara menyeluruh bagi memberikan pemahaman kepada pembaca secara keseluruhannya.

Carta alir penyelidikan yang merangkumi struktur tesis seperti mana yang diterangkan di atas ditunjukkan menerusi Rajah 1.2. Carta alir ini adalah merupakan gambaran keseluruhan aliran proses penyelidikan ini dijalankan.



**Rajah 1.2:** Struktur tesis



## 1.8 Kajian Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya sebagai kaedah kajian. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual separa struktur, pemerhatian dan dapatan dokumen-dokumen berkaitan bagi mengumpul data kajian. Pengkaji telah membuat kajian awalan di kawasan kajian dengan membuat pemerhatian dan berkenalan dengan penduduk kampung bagi membiasakan diri. Selain itu, pengkaji telah membuat sesi temu bual bersama beberapa pengusaha bagi membuat pengujian kepada keberkesanan persoalan-persoalan yang telah dibuat dalam soalan temu bual. Setelah itu, berdasarkan kajian awalan ini, pengkaji membuat pengubahsuaian pada soalan tersebut berdasarkan keputusan yang telah diperolehi pada kajian awalan tersebut.

Seterusnya, pengkaji telah membahagikan soalan-soalan kajian kepada tiga bahagian asas iaitu; profil informan, manifestasi kek lapis Sarawak dan proses pemeraksanaan psikologi. Setelah itu, kajian telah dijalankan di kawasan kajian selama 2 bulan (Oktober-November 2014). Memandangkan kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif, pengkaji telah membuat pemilihan informan berdasarkan teknik persampelan bertujuan dan 'snowball sampling'. Seramai 15 informan telahpun dipilih dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu 10 informan daripada pengusaha kek lapis Sarawak dan 5 informan lagi yang mewakili komuniti Kampung Gersik (daripada teknik 'snowball'). Informan-informan telah dibahagikan kepada dua kategori adalah bagi mencapai mengasingkan dapatan data semasa sesi temu bual. Hal ini kerana, informan kategori pengusaha kek lapis adalah lebih menjurus kepada pertanyaan mengenai persoalan utama kajian iaitu merangkumi makna manifestasi kek dan bagaimana proses pemeraksanaan psikologi itu berlaku dalam diri mereka. Manakala, bagi kategori informan seterusnya adalah lebih terarah kepada pertanyaan untuk mendapatkan informasi sokongan yang melihat kepada pandangan universal daripada komuniti setempat daripada kewujudan perusahaan kek lapis Sarawak di kawasan kajian.

Berdasarkan kajian pengkaji sebelum ini, jumlah perusahaan kek lapis di Bandar Kuching yang berdaftar dengan Persatuan Pengusaha Kek Lapis Sarawak (PPKLS) adalah seramai 68 orang (Speri, 2013). Namun dalam konteks kajian ini,

pengkaji hanya fokus kepada pengusaha yang beroperasi di Kampung Gersik sahaja. Oleh itu, kesemua pengusaha telah dijadikan sebagai informan utama dalam kajian ini. Setiap daripada informan telah di temu bual secara mendalam berdasarkan struktur soalan yang telah digubah oleh pengkaji.

Bagi proses analisis data kajian pula, kaedah analisis tematik telah digunakan pengkaji. Kaedah ini dipilih bagi menerangkan secara terperinci mengenai persoalan-persoalan kajian melalui informan utama yang telah dipilih berdasarkan tema yang dibuat pengkaji melalui kajian literatur. Berdasarkan pengalaman dan penceritaan yang dikongsi semasa sesi temu bual semi-struktur yang dijalankan, pengkaji menganalisis transkrip temuramah untuk mencapai tujuan kajian dengan menjawab persoalan-persoalan yang telah dibentukkan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah '*quotation*' dengan melaporkan kenyataan-kenyataan bagi setiap dapatan kajian yang didapati.

Kesemua dapatan kajian dianalisis dan sintesis menggunakan kaedah ini dan diterangkan secara bersama dengan pemahaman pengkaji melalui pemahaman pada kajian literatur. Seterusnya perolehan data dihuraikan melalui tema-tema yang telah diolah pengkaji berdasarkan kajian literatur sebelumnya di dalam bahagian analisis data ini.

## **1.9 Jangkaan Penemuan**

Jangkaan penemuan bagi kajian ini adalah:

- a. Mendapati huraian makna disebalik manifestasi rekabentuk kek lapis Sarawak daripada pengusaha;
- b. Mengetahui proses pemerksaan psikologi pengusaha wanita dalam perusahaan kek lapis Sarawak melalui manifestasi yang diperolehi;
- c. Dapatan huraian impak pemerksaan psikologi melalui pengaruh dominasi perusahaan kek lapis Sarawak di Kampung Gersik;
- d. Mengetahui proses penjenamaan destinasi kawasan kajian daripada operasi perusahaan kek lapis Sarawak.

### **1.10 Kepentingan Kajian**

Oleh kerana terdapat banyak kajian yang telahpun dijalankan mengenai pemerksaan wanita dalam perusahaan di Malaysia, kajian ini akan memfokuskan kepada skop pemerksaan psikologi wanita sahaja. Di sini, pengkaji menitikberatkan mengenai bagaimana sesuatu perusahaan pelancongan di negara ini mampu diperksakan secara psikologi. Hal ini adalah kerana, kebanyakan kajian hanya memperlihatkan pemerksaan pada skop ekonomi dan sosial semata-mata.

Dengan mengeksplorasikan mengenai pemerksaan psikologi wanita dalam bidang perusahaan seperti ini, ianya mampu memberikan idea baru kepada pengkaji seterusnya bagi memahami bagaimana mewujudkan sesuatu perusahaan berasaskan pelancongan yang unggul dan mempunyai daya tahan yang tinggi suatu hari nanti. Hal ini juga sekaligus, boleh membantu pihak yang berkaitan menilai kemampuan golongan wanita apabila mereka terlibat dalam bidang perusahaan pada masa kelak. Kajian ini termasuklah menyediakan bukti bahawa makna (*meaning*) disebalik manifestasi sesuatu produk seperti kek lapis Sarawak mampu menyumbang kepada proses pemerksaan psikologi, impak secara tidak langsung terhadap komuniti sekitar dan sebagai medium penjenamaan destinasi di kawasan kajian.

### **1.11 Rumusan**

Isu mengenai bagaimana manifestasi kek lapis Sarawak menyumbang kepada proses pemerksaan psikologi dalam perusahaan berasaskan pelancongan adalah merupakan satu fokus penting dalam kajian ini. Keterbatasan bagi golongan wanita dewasa ini bagi melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti sosial, ekonomi dan politik menyebabkan wanita seringkali dipandang remeh oleh ramai pihak terutamanya pada zaman globalisasi ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah bagi membuktikan wujudnya proses pemerksaan wanita melalui cara psikologi terutamanya libatan mereka di dalam bidang pelancongan yang boleh dijadikan sebagai panduan pada pengkaji lain di masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq. (2012). Pengupayaan Komuniti dan Kelestarian Pembangunan Pelancongan di Miso Walai Homestay Kinabatangan, Sabah. *Latihan Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Allendorf, K. (2007). Do Women's Land Rights Promote Empowerment and Child Health in Nepal? *World Development*, 35(11), 1975–1988.
- Arneson, H., & Ekberg, K. (2005). Evaluation of empowerment processes in a workplace health promotion intervention based on learning in Sweden. *Health Promotion International*, 20(4), 351-359.
- Afza, T., & Rashid, M. A. (2009). Marginalized women social well-being through enterprise development: A glimpse of remote women status in Pakistan. *Journal of Chinese Entrepreneurship*, 1(3), 248–267.  
<http://doi.org/10.1108/17561390910999533>
- Akhter, R., & Ward, K. B. (2009). *Advances in Gender Research*. (R. Akhter & K. B. Ward, Eds.) *Advances in Gender Research* (Vol. 13). Bingley: Emerald Group Publishing. [http://doi.org/10.1108/S1529-2126\(2009\)0000013010](http://doi.org/10.1108/S1529-2126(2009)0000013010)
- Bale, T., Kri, I., Bale, A., & Garland, R. (2013). Rural tourism development in Lithuania ( 2003 – 2010 ) — A quantitative analysis, 3(2012), 1–6.  
<http://doi.org/10.1016/j.tmp.2012.01.001>
- Chan, T. C. K., Ng, K. Y. N., & Casimir, G. (2010). The diminished effect of psychological empowerment on the self-empowered. *Managing Service Quality*, 20(6), 531–543. <http://doi.org/10.1108/09604521011092875>
- Douglas, D., & Marc, A. (1995). Empowerment theory , research , and application.
- Givens, R. J. (2011). THE ROLE OF PSYCHOLOGICAL EMPOWERMENT AND VALUE CONGRUENCE IN MEDIATING THE IMPACT OF TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP ON FOLLOWER COMMITMENT IN AMERICAN CHURCHES, 6.
- Gross, M. J., & Brown, G. (2006). Tourism experiences in a lifestyle destination setting: The roles of involvement and place attachment. *Journal of Business Research*, 59(6), 696–700. <http://doi.org/10.1016/j.jbusres.2005.12.002>
- Haupt, T., & Fester, F. (2012). Women-owned construction enterprises: a South African assessment. *Journal of Engineering, Design and Technology*, 10(1), 52–71. <http://doi.org/10.1108/17260531211211881>

- Hernandez-Garcia, J. (2013). Slum tourism, city branding and social urbanism: the case of Medellin, Colombia. *Journal of Place Management and Development*, 6(1), 43–51. <http://doi.org/10.1108/17538331311306122>
- Herstein, R., & Berger, R. (2013). Much more than sports: sports events as stimuli for city re-branding. *Journal of Business Strategy*, 34(2), 38–44. <http://doi.org/10.1108/02756661311310440>
- Ismail, M., Rasdi, R. M., & Jamal, A. N. A. (2011). Gender empowerment measure in political achievement in selected developed and developing countries. *Gender in Management: An International Journal*, 26(5), 380–392. <http://doi.org/10.1108/17542411111154912>
- Jha, S. (2011). Influence of psychological empowerment on affective, normative and continuance commitment: A study in the Indian IT industry. *Journal of Indian Business Research*, 3(4), 263–282. <http://doi.org/10.1108/17554191111180582>
- Kim, H. S., Sherman, D. K., Reilly, J., & McBrearty, M. (1997). “Express Yourself”: Culture and the Effect of Self-Expression on Choice.
- Kim, S., & Ki, J. (2014). A case study on the effects of the creative art therapy with stretching and walking meditation—Focusing on the improvement of emotional expression and alleviation of somatisation symptoms in a neurasthenic adolescent. *The Arts in Psychotherapy*, 41(1), 71–78. <http://doi.org/10.1016/j.aip.2013.11.002>
- Laverack, G., & Wallerstein, N. (2001). Measuring community empowerment : a fresh look at organizational domains, 16(2).
- Lord, J., & Hutchison, P. (1993). The Process of Empowerment : Implications for Theory and Practice The Process of Empowerment : Implications for Theory and Practice, 1–25.
- McMillan, C. L., O’Gorman, K. D., & MacLaren, A. C. (2011). Commercial hospitality: A vehicle for the sustainable empowerment of Nepali women. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 23(2), 189–208. <http://doi.org/10.1108/09596111111119329>
- Mohamad, N. H. (2013). Tourism cooperative for scaling up community-based tourism. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes*, 5(4), 315–328. <http://doi.org/10.1108/WHATT-03-2013-0017>
- Mosedale, S. (2005). Assessing women’s empowerment: towards a conceptual framework. *Journal of International Development*, 17(2), 243–257. <http://doi.org/10.1002/jid.1212>
- Nwosu, B. (2014). Hospitality education: sustainable empowerment opportunities for Nigerian women. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes*, 6(1), 62–76. <http://doi.org/10.1108/WHATT-10-2013-0039>

- Parker, L., Aleti Watne, T., Brennan, L., Trong Duong, H., & Nguyen, D. (2014). Self expression versus the environment: attitudes in conflict. *Young Consumers*, 15(2), 138–152. <http://doi.org/10.1108/YC-06-2013-00383>
- Pénzes, I., van Hooren, S., Dokter, D., Smeijsters, H., & Hutschemaekers, G. (2014). Material interaction in art therapy assessment. *The Arts in Psychotherapy*, 41(5), 484–492. <http://doi.org/10.1016/j.aip.2014.08.003>
- Rogerson, C. M. (2004). *Tourism , Small Firm Development and Empowerment in Post-Apartheid South Africa*. *SMALL FIRMS IN TOURISM: INTERNATIONAL PERSPECTIVES* (First Edit). Elsevier Ltd. <http://doi.org/10.1016/B978-0-08-044132-0.50005-8>
- Saraniemi, S. (2011). From destination image building to identity-based branding. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research*, 5(3), 247–254. <http://doi.org/10.1108/17506181111156943>
- Scheyvens, R. (n.d.). *Ecotourism and gender issues. Critical Issues in Ecotourism: Understanding a complex tourism phenomenon*. James Higham. <http://doi.org/10.1016/B978-0-7506-6878-1.50014-1>
- Scheyvens, R. (1999). Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management*, 20(2), 245–249. [http://doi.org/10.1016/S0261-5177\(98\)00069-7](http://doi.org/10.1016/S0261-5177(98)00069-7)
- Scheyvens, R. (2000). Promoting Women’s Empowerment Through Involvement in Ecotourism: Experiences from the Third World. *Journal of Sustainable Tourism*, 8(3), 232–249. <http://doi.org/10.1080/09669580008667360>
- Warren-Smith, I., & Jackson, C. (2004). Women creating wealth through rural enterprise. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 10(6), 369–383. <http://doi.org/10.1108/13552550410564707>
- Wye, C. (2012). Labour Market Structure in Malaysia : Pre- and Post- Market Gender Comparison, 2(10).

**RUJUKAN WEB**

- (October 15, 2015). Retrieved from  
<http://diwanniecake.wordpress.com/kek-lapis-sarawak>
- (October 15, 2015). Retrieved, from  
<http://asiantastecake.blogspot.my/p/kek-lapis.html>
- ( August 5, 2015). Retrieved, from <http://whatsonsanya.com>
- (August 5, 2015). Retrieved from <http://michelevirtualnotebook.wikispace.com>
- (August 5, 2015) Retrieved, from  
<http://www.experiencethehimalayas.com/information/nepal/tea-house-accommodation>
- (March 23, 2015). Retrieved from  
<http://www.museum.sarawak.gov.my/index.php/ms/koleksi/tekstil>
- (March 23, 2015). Retrieved from  
<http://www.museum.sarawak.gov.my/index.php/ms/koleksi/tekstil>
- (March 14, 2015). Retrieved from <http://veekyleonora.blogspot.my>
- (February 28, 2015).Retrieved from  
<https://transannie.wordpress.com/tag/borneo-international-beads-conference>
- (February 25, 2015). Retrieved from <http://1mos.blogspot.my>
- (October 15, 2015). Retrieved from [www. Newzealand.com](http://www.Newzealand.com)
- (October 18, 2015). Retrieved from  
<http://keklapisdayangsalhah.com>

**LAMPIRAN**